



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

MENEROKA PEMBELAJARAN PELAJAR ORANG ASLI KETIKA PANDEMIK COVID-19 DI SEBUAH SEKOLAH DI NEGERI PERAK



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NOR SYAMSALBILA BT MAT JUNOH@ARIFIN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**MENEROKA PEMBELAJARAN PELAJAR ORANG ASLI
KETIKA PANDEMIK COVID-19 DI SEBUAH SEKOLAH
DI NEGERI PERAK**

NOR SYAMSALBILA BT MAT JUNOH@ARIFIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BIMBINGAN DAN KAUNSELING)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KHUSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (✓)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

/

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

16**05****23**

Perakuan ini telah dibuat pada(hari bulan)..... (bulan) 20.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, NOR SYAMSALBILA BINTI MAT JUNOH@ARIFIN (M20191000433, FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA) (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawadisertasi/tesis yang bertajuk MENEROKA PEMBELAJARAN PELAJAR ORANG ASLI KETIKA PANDEMIK COVID-19 DI SEBUAH SEKOLAH DI NEGERI PERAK

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya



NOR SYAMSALBILA BINTI MAT JUNOH
ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. NORAZANI BINTI AHMAD (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk _____

MENEROKA PEMBELAJARAN PELAJAR ORANG ASLI KETIKA PANDEMIK COVID-19 DI SEBUAH SEKOLAH DI NEGERI PERAK. (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

19/05/2023

Tarikh


DR. NORAZANI BINTI AHMAD
Tandatangan Penyelia


**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES****BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: MENEROKA PEMBELAJARAN PELAJAR ORANG ASLI KETIKA PANDEMIK COVID-19 DI SEBUAH SEKOLAH DI NEGERI PERAK

No. Matrik / Matric's No.: M20191000433

Saya / I : NOR SYAMSALBILA BINTI MAT JUNOH@ARIFIN

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 19/05/2023(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)**DR. NORAZANI AHMAD****Pensyarah Kanan****Jabatan Bimbingan Dan Kaunseling****Fakulti Pembangunan Manusia****Universiti Pendidikan Sultan Idris**

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

“Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang”

Alhamdulillah, dengan izinNya disertasi ini Berjaya disiapkan. Dalam usaha mengumpul bahan-bahan kajian, penyelidikan dan dokumentasi telah mendapat bantuan secara langsung dan tidak langsung daripada individu-individu berikut; PROFESOR MADYA DR. NORAZANI BINTI AHMAD selaku penyelia yang banyak memberikan panduan dan nasihat, pensyarah-pensyarah kaunseling, Fakulti Pembangunan Manusia (UPSI) dan rakan-rakan yang banyak memberikan tunjuk, sokongan emosi, cadangan, bimbingan dan bantuan dari awal sehingga akhir dalam menjayakan kajian ini dengan baik.

Jutaan terima kasih kepada warga sekolah dan pelajar yang memberikan kerjasama yang tidak terhingga dalam membantu menyiapkan kajian ini. Tidak lupa juga kepada pihak pentadbir yang memberikan kemudahan cuti dan memudahkan segala urusan bagi menyiapkan kajian ini.

Akhir sekali, terima kasih yang tidak terhingga kepada suami, MOHD ZULKAIKYAM BIN ZULKEPLI dan anak perempuan kesayangan, SOFFIYA AIRIS ZAHEERA BINTI MOHD ZULKAIKYAM serta keluarga tercinta yang selalu memberi kekuatan, menjadi inspirasi dan juga memberi sokongan dan semangat bagi menjayakan penulisan kajian ini. Semoga ALLAH memberikan ganjaran yang besar atas bantuan kalian semua.





ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk meneroka pembelajaran pelajar Orang Asli ketika Pandemik Covid-19. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti proses pembelajaran pelajar orang asli ketika pandemik, mengenal pasti masalah pembelajaran yang dihadapi oleh pelajar orang asli ketika pandemik covid-19 dan mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh pelajar Orang Asli sepanjang pembelajaran dari rumah. Kajian ini berbentuk kualitatif kajian kes yang menggunakan kaedah temubual melibatkan tiga orang pelajar Orang Asli dari suku Semai dan Temiar di sebuah sekolah menengah di negeri Perak dan dua orang guru sebagai sokongan dapatan. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat lapan tema yang dikenal pasti iaitu fasiliti pembelajaran, faktor persekitaran, faktor pelajar, psikologikal, PDPR segerak dan tak segerak, teknik pengajaran guru, sokongan pembelajaran dan kualiti pembelajaran. Dapatkan ini boleh membantu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), pihak sekolah, guru, kaunselor sekolah, ibu bapa dan pelajar dalam membantu pelajar terutamanya pelajar Orang Asli dalam pembelajaran semasa Pandemik Covid-19 agar mereka tidak ketinggalan atau tercicir daripada alam persekolahan. Selain itu ia juga dapat membantu semua pihak dalam mencari kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan faktor pelajar, faktor persekitaran dan psikologi pelajar.





EXPLORING INDIGENOUS STUDENT LEARNING DURING THE COVID-19 PANDEMIC IN A SCHOOL IN PERAK

ABSTRACT

This study was conducted to explore the learning of Orang Asli students during the Covid-19 Pandemic. The objective of this study is to identify the learning process of Orang Asli students during the pandemic, identify the learning problems faced by Orang Asli students during the covid-19 pandemic and identify the challenges faced by Orang Asli students throughout learning from home. This study takes the form of a qualitative case study that uses the interview method involving three Orang Asli students from the Semai and Temiar tribes at a secondary school in the state of Perak and two teachers as support for findings. The findings of the study show that there are eight themes identified which are learning facilities, environmental factors, student factors, psychological factors, synchronous and asynchronous PDPR, teacher teaching techniques, learning support and learning quality. This finding can help the Malaysian Ministry of Education (MOE), schools, teachers, school counselors, parents and students in helping students especially Orang Asli students in learning during the Covid-19 Pandemic so that they do not fall behind or drop out of school. In addition, it can also help all parties in finding teaching and learning methods and techniques that suit student factors, environmental factors and student psychology.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv



BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Latar Belakang	3
1.2 Pembelajaran Ketika Pandemik	6
1.3 Perkembangan Pendidikan Orang Asli	8
1.4 Pernyataan Masalah	13
1.5 Objektif Kajian	16
1.6 Persoalan Kajian	16
1.7 Kepentingan Kajian	16
1.8 Batasan Kajian	18
1.9 Definisi Istilah	19
1.10 Kerangka Konseptual Kajian	21
1.11 Kesimpulan	22



**BAB 2 KAJIAN LITERATUR**

2.0 Pengenalan	23
2.1 Pendekatan Teori	24
Teori Pembelajaran	24
Teori Realiti	28
2.2 Kajian Lepas Mengenai Pembelajaran Semasa Pandemik	30
2.3 Kajian Lepas Mengenai Cabaran Pembelajaran Ketika Pandemik	35
2.4 Kajian Lepas Tentang Pembelajaran Orang Asli	39
2.4 Kesimpulan	47

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan	48
3.1 Reka Bentuk Kajian	49
Kajian Kualitatif	49
Kajian Kes	50
3.2 Kaedah Persampelan	52
3.3 Peserta Kajian	53
3.4 Tempat Kajian	54
3.5 Kaedah Pengumpulan Data	54
Kaedah Temubual	54
Kaedah Analisis Dokumen	55
3.6 Analisis Data	56
3.7 Kesahan Dan Kebolehpercayaan	57
Kesahan	57
Kebolehpercayaan	58





3.8 Triangulasi Kajian	58
Triangulasi Kaedah	59
Triangulasi Peserta	59
Triangulasi Pemerhatian	59
3.9 Alat Kajian	60
3.10 Proses Membina Soalan Temubual	60
3.11 Tatacara Menjalankan Kajian	65
3.12 Kesimpulan	66
BAB 4 DAPATAN KAJIAN	
4.0 Pengenalan	67
4.1 Dapatan Kajian	71
4.1.1 Soalan Kajian Pertama : Apakah Masalah Pembelajaran Yang Dilalui Oleh Pelajar Orang Asli Ketika Pandemik Covid	71
4.1.2 Soalan Kajian Kedua : Bagaimana Proses Pembelajaran Pelajar Orang Asli?	76
4.1.3 Soalan Kajian Ketiga: Apakah Cabaran Yang Dihadapi Oleh Pelajar Sepanjang Proses Pembelajaran	81
4.2 Kesimpulan	84
BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.0 Pengenalan	85
5.1 Ringkasan Kajian	86
5.2 Perbincangan	88
5.2.1 Apakah Masalah Pembelajaran Yang Dilalui Oleh Pelajar Orang Asli Ketika Pandemik Covid -19.	88
5.2.2 Bagaimana Proses Pembelajaran Pelajar Orang Asli	90
5.2.3 Apakah Cabaran Yang Dihadapi Oleh Pelajar Sepanjang Proses Pembelajaran	92





5.4 Sumbangan Kajian	94
5.5 Implikasi Kajian	97
5.5.1 Teoritikal	97
5.5.2 Praktikal	102
5.6 Cadangan Kepada Pengkaji Akan Datang	102
5.7 Kesimpulan	103
RUJUKAN	104
LAMPIRAN	





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
4.1(a) Profil peserta kajian berdasarkan temubual yang dijalankan	68
4.1(b) Profil guru berdasarkan temubual yang dijalankan	70





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
-----------	------------

1.1	Kerangka konseptual kajian	22
3.1	Carta Alir Reka Bentuk Kajian	52
4.1.1	Rumusan apakah masalah pembelajaran yang dilalui oleh pelajar Orang Asli ketika pandemik Covid 19	75
4.1.2	Rumusan Bagaimana proses pembelajaran pelajar Orang Asli	80
4.1.3	Rumusan apakah cabaran yang dihadapi oleh pelajar sepanjang proses pembelajaran	83





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

XV

SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Kebenaran Kajian Penyelidikan
- B Soalan Protokol Temubual
- C Surat Pengesahan Rujukan Pakar
- D Transkrip



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI SINGKATAN

IPG	INSTITUT PENDIDIKAN GURU
IPT	INSTITUT PENGAJIAN TINGGI
JAKOA	JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI
PDP	PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
PDPR	PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI RUMAH
PKP	PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
WHO	WORLD HEALTH ORGANIZATION





BAB 1

PENGENALAN



1.0 Pengenalan

Pandemik Covid -19 yang melanda negara telah memberi impak besar kepada pelbagai sektor termasuklah sektor pendidikan sama ada peringkat rendah, menengah mahupun peringkat pengajian tinggi. Peningkatan kes Covid-19 telah memaksa semua sekolah di seluruh negara ditutup berikutkan pihak kerajaan mengisyiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 16 Mac 2020. Oleh itu, sebagai langkah bagi memutuskan rantai jangkitan virus Covid-19, Malaysia mengambil langkah mengenakan perintah kawalan pergerakan di mana semua rakyat dinasihatkan untuk terus kekal di rumah atau





bekerja dari rumah (*work from home*) dan pembelajaran dijalankan dalam talian. Hal ini telah mengubah mod pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka digantikan dengan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengeluarkan surat siaran KPM Bilangan 3 Tahun 2020: Garis Panduan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) semasa tempoh PKP akibat Penularan Jangkitan Covid -19 bertarikh 27 Mac 2020 bagi memastikan pembelajaran murid tidak terjejas (Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah KPM, 2020). Bagi memastikan pembelajaran murid tidak terjejas sepanjang tempoh PKP ini, guru-guru telah diarahkan untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di Rumah (PdPr), sama ada secara dalam talian ataupun luar talian mengikut kesesuaian guru dan murid.

Musibah yang melanda negara sedikit sebanyak telah memberi impak terhadap penggunaan pembelajaran atas talian.



Sebelum Pandemik Covid-19 berlaku, pembelajaran dalam talian tidak dititik beratkan dan jarang berlaku kerana sebelum ini sesi pembelajaran berlaku secara bersemuka dan berbentuk konvensional. Namun selepas Covid melanda, para guru terlibat secara aktif dalam melaksanakan sesi pembelajaran dalam talian. Hal ini kerana para guru perlu menyesuaikan diri dengan pendidikan norma baharu. Proses pembelajaran dalam talian memberi kesan dan mengubah cara pembelajaran pelajar. hal ini kerana aktiviti pelajar banyak dipengaruhi oleh perkembangan teknologi dalam talian seperti “*live streaming*”, “*Virtual and augmented reality*” dan lain-lain teknologi.



Selain itu, pembelajaran dalam talian mempunyai kelebihan iaitu dapat meminimumkan masa dan usaha supaya penggunaan sumber tenaga digunakan bagi membuat aktiviti lain di luar waktu pembelajaran. Namun begitu pembelajaran dalam talian juga mempunyai kekurangannya juga seperti pelajar tidak memberikan tumpuan terhadap sesi pembelajaran. Hal ini kerana suasana pembelajaran yang tidak kondusif, kekurangan data internet dan gangguan-gangguan lain. Tambahan pula pembelajaran dalam talian memerlukan guru dan pelajar memainkan peranan yang aktif dan memerlukan hubungan serta komunikasi antara satu sama lain.

Disebabkan pelaksanaan PdP dalam talian bukannya sesuatu yang mudah dan ditambah lagi dengan situasi perintah kawalan pergerakan (pkp) yang belum pernah berlaku dalam sejarah Malaysia khususnya dan sejarah dalam pendidikan amnya menyebabkan para guru dan tenaga pengajar yang lain perlu mengubah dan menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran mereka agar pembelajaran dalam talian berkesan dan berjalan dengan lancar. Oleh itu, melalui kajian ini bertujuan untuk meneroka pembelajaran pelajar terutamanya pelajar Orang Asli semasa Pandemik Covid-19 berlaku.

1.1 Latar Belakang Kajian

Pada tahun 2019, satu dunia digemparkan dengan penularan satu wabak yang dikenali sebagai COVID-19 yang mula merebak di daerah Wuhan, China. Angka penularan semakin tidak terkawal malah merebak luas ke luar negara China. Rentetan itu juga, World Health Organization (WHO) mengkategorikan penularan COVID-19 ini sebagai satu pandemik (Adhanom, 2020). Menurut Mustafa dan Zahoor (2020), Sahu (2020) dan Ramli dan Abd Rahman (2021), pandemik yang berlaku ini turut memberi pengaruh kepada sistem pendidikan di seluruh dunia, yang mana telah mengakibatkan

hampir semua sekolah, universiti dan kolej ditutup bagi mengekang penularan virus ini. Kerajaan Malaysia telah mengisyiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (pkp) dilaksanakan bermula pada 16 Mac 2020 (Ministry of Education, 2020).

Pengisytiharan ini telah memberi impak yang besar kepada semua sektor dan bidang termasuklah pendidikan. Sesi pembelajaran ataupun perkuliahan tetap dijalankan tetapi dengan menggunakan pembelajaran atas talian sebagai alternatif semua aktiviti secara bersemuka (Abd Latib, Edrusi & Muhamad, 2021; Ahmad Mokhtar & Lakman, 2021; Abdullah & Amran, 2021; Ramli & Abd Rahman, 2021). Disokong oleh dapatan kajian Safri, Mohi dan Hanafiah (2020) serta Ramli dan Abd Rahman (2021), yang menyatakan salah satu cara bagi memastikan kelangsungan pembelajaran dapat diteruskan dalam situasi negara menjalankan PKP adalah perlaksanaan aktiviti PdP secara e-pembelajaran dimana sistem pengajaran atas talian membolehkan para pelajar dan pendidik dapat berhubung walaupun tidak berada di ruang yang sama (Jasni & Hussin, 2020).

Namun, pelbagai cabaran perlu diatasi dan masih perlu diperbaiki bagi memastikan pembelajaran atas talian dapat dilaksanakan dengan lancar. Antara cabaran-cabaran yang telah dikenal pasti oleh pengkaji-pengkaji lain sepanjang perlaksanaan pkp sejak tahun 2019 ialah pemilikan teknologi ataupun prasarana ICT, liputan internet bagi kawasan-kawasan tertentu terutamanya di kawasan luar bandar, kemahiran teknologi dalam kalangan guru-guru (Goliong et al., 2020). Bahkan, para pelajar dilihat masih lagi bergelut dalam menyesuaikan diri dalam masa yang singkat dengan pembelajaran norma baharu ini. Penglibatan diri para pelajar dalam proses pembelajaran perlu dititikberatkan bagi memastikan keberkesanan Pengajaran dan pembelajaran di Rumah (pdpr) semasa pkp berjalan dengan lancar dan berkesan.



Perlu diteliti juga kualiti pdpr semasa pkp yang kini menjadi isu yang hangat diperkatakan. Sememangnya pembelajaran atas talian adalah salah satu alternatif yang ada bagi meneruskan pembelajaran ketika pandemik ini (Abd Latib, Edrusi & Muhamad, 2021; Ahmad Mokhtar & Lakman, 2021; Abdullah & Amran, 2021; Ramli & Abd Rahman, 2021). Namun, kualiti pembelajaran atas talian adalah salah satu isu kritikal yang juga memerlukan perhatian sewajarnya (Sahu, 2020). Jika dilihat data yang dikongsikan oleh KPM, seramai 21, 316 orang pelajar telah berhenti sekolah semenjak Mac 2020 (Bernama, 2021; Adnan, 2021). Bilangan yang membimbangkan ini perlu diteliti punca dan akibatnya yang mana akan memberi impak yang negatif dan boleh memudaratkan generasi yang akan datang. Penerimaan norma baharu ini bukan sahaja sukar bagi para pelajar tetapi bagi tenaga pengajar juga yang mana turut berhadapan dengan kesukaran untuk mengadaptasi dan mengubah amalan pendidikan yang sedia ada. Rentetan itu juga komitmen pelajar semasa PdPR perlu dititikberatkan kerana ianya secara langsung memberi kesan kepada kualiti pembelajaran semasa PKP dan seterusnya boleh mempengaruhi tahap prestasi pembelajaran pelajar (Wahono, Mahamod & Mohamad Nasir, 2021).

Dalam konteks murid Orang Asli pula, kebanyakan mereka tidak mengikuti sesi pembelajaran dalam talian sepenuhnya kerana kekurangan kemudahan pembelajaran seperti tiada gajet dan capaian internet yang kurang memuaskan serta tiada langsung liputan internet. Berdasarkan Kaji Selidik Penggunaan ICT dan Akses Oleh Individu dan Isi rumah pada tahun 2018 menunjukkan akses kepada televisyen ialah sebanyak 98.6 peratus dalam isi rumah dan ia adalah capaian tertinggi berbanding peranti yang lain. Namun kita juga menyedari guru-guru di sekolah Orang Asli sedaya upaya memastikan setiap murid tidak ketinggalan dalam pelajaran. Pelbagai kaedah yang



dilakukan bagi membolehkan murid Orang Asli dapat belajar. Oleh yang demikian, terdapat juga guru mengambil inisiatif dengan mengambil pendekatan untuk menziarah rumah dan memasuki perkampungan yang jauh di pedalaman semata-mata untuk menghantar bahan-bahan pembelajaran bagi memastikan pelajar tidak ketinggalan dalam pelajaran contohnya seperti mengedarkan lembaran kerja kepada pelajar. Namun kaedah ini dilihat tidak berkesan kerana mereka tidak dapat dibimbing sebaiknya seperti mana kelas bersemuka. Malah, lembaran kerja sekolah yang diberikan dihantar kembali tanpa sebarang jawapan. Namun dalam pendidikan Orang Asli, pelaksanaan strategi jangka pendek dan panjang diperlukan bagi membantu menyelesaikan masalah dialami, selain situasi sosioekonomi. Ini penting untuk mengurangkan keciciran pelajaran, selain merapatkan jurang dalam masyarakat.

Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi meneroka pembelajaran pelajar Orang Asli ketika pandemik covid-19. Selain itu, kajian ini juga dijalankan untuk mengetahui bagaimana pelajar Orang Asli menjalankan sesi pembelajaran ketika Pandemik Covid-19 dan apakah cabaran yang dilalui oleh mereka sepanjang menjalankan sesi pembelajaran di rumah (pdpr).

1.2 Pembelajaran Ketika Pandemik

Penyebarluasan virus Covid-19 yang melanda seluruh dunia telah memperlihatkan kepentingan dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam talian mengikut norma baharu. Hail ini kerana pelaksanaan PdPr secara dalam talian merupakan pengalaman baharu dalam proses pembelajaran murid khususnya di sekolah rendah dan menengah. Hal ini demikian, proses PdP yang dijalankan secara dalam talian mampu menarik minat murid dan membantu dalam memahami sesuatu isi pelajaran dengan cepat dan mudah. Perkembangan yang positif ini juga dapat dilihat apabila ramai guru mampu

menyediakan bahan pembelajaran digital mereka sendiri untuk digunakan oleh murid dan dikongsi oleh guru lain melalui saluran seperti *Youtube*, *Telegram* dan *Facebook*. Berbanding dengan murid, peralatan mudah alih dan Internet bukan sesuatu yang baharu malah mereka sudah terdedah dengan pelbagai aplikasi dalam talian yang lebih interaktif. Hal ini tidak sukar untuk mereka menggunakan pelantar pembelajaran dalam talian dan ini merupakan satu cabaran kepada guru dalam memastikan murid-murid sentiasa bersemangat melaksanakan pembelajaran dalam talian di samping penglibatan murid secara menyeluruh sepanjang sesi pembelajaran.

Pada Januari 2020, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisyiharkan situasi pandemik yang sangat bahaya akibat daripada penularan sejenis wabak baharu jenis korona, yang dikenali sebagai wabak Covid-19 (Ehwan Ngadi, 2020). Pada ketika itu, dunia telah dikejutkan dengan berita penularan wabak baharu ini yang telah dikenal pasti berpunca daripada Bandar Wuhan di China. Ekoran daripada penularan wabak ini, ia telah mengakibatkan banyak bilangan kes kematian dengan angka yang sangat tinggi. Seperti yang kita sedia maklum, wabak Covid-19 ini telah mula dikesan oleh WHO sekitar bulan November 2019 di Bandar Wuhan dan ia telah merebak ke serata negara sehingga ke hari ini. Akibat daripada penularan wabak pandemik Covid-19 ini, ia telah memberi kesan terhadap pelbagai sektor di seluruh dunia. Susulan daripada penularan Covid-19 ini, kerajaan Malaysia telah memperkenalkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 yang lalu yang menuntut seluruh masyarakat untuk mengawal penularan wabak Covid-19 daripada terus merebak (Muzaffar Syah, 2020). Disebabkan hal itu, sektor pendidikan juga turut menerima kesan daripada pelaksanaan PKP ini. Sektor pendidikan seperti sekolah dan Institut Pengajian Tinggi (IPT) terpaksa ditutup ekoran daripada bilangan kes yang semakin meningkat pada ketika itu. Umum mengetahui bahawa pada awal

tahun 2020, sekolah dan IPT telah pun memulakan operasi seperti biasa yang mana aktiviti pengajaran dan pembelajaran dijalankan secara bersemuka. Akan tetapi, ia telah berubah sepenuhnya apabila segala aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka terpaksa dihentikan dan dijalankan sepenuhnya secara atas talian dalam tempoh pelaksanaan PKP.

Dalam era norma baharu ini, semua pihak perlu melaksanakan kerja-kerja sehariannya mereka menerusi platform secara atas talian. Jika dilihat pada masa kini, terdapat pelbagai jenis medium yang boleh digunakan oleh golongan pendidik untuk menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara atas talian. Ia sebagai satu usaha untuk memastikan semua pelajar tidak ketinggalan di dalam aktiviti pembelajaran mereka. Platform digital seperti *Google Classroom*, *Google Meet*, *Zoom*, *Schoology* dan *Edmodo* antara yang digunakan oleh para pensyarah untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) mereka sepanjang tempoh pelaksanaan PKP. Menurut Nor Fauziana (2020), kaedah PdP secara atas talian ini menuntut komitmen dan kerjasama daripada semua pihak terutamanya dari segi pengetahuan dan kemahiran berkaitan teknologi. Justeru itu, semua pihak haruslah mempersiapkan diri bagi menghadapi norma baharu, iaitu pelaksanaan PdP secara atas talian yang menyeluruh dalam era pandemik Covid-19 ini demi kelangsungan proses pembelajaran para pelajar.

1.3 Perkembangan Pendidikan Orang Asli

Pendidikan orang asli juga bukan lagi isu baharu bagi Kementerian Pendidikan Malaysia dan JAKOA kerana kedua-dua buah organisasi ini telah mengambil langkah yang dirancang rapi beserta dengan peruntukan yang besar bagi membolehkan



golongan Orang Asli terutama pelajar Orang Asli menerima pendidikan dan Berjaya menamatkan pengajian sama ada di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah mahupun di peringkat pengajian tinggi. Begitu juga dalam usaha untuk pembangunan masyarakat Orang Asli dimana semua pihak perlu mempunyai kesedaran serta memahami keperluan, kesesuaian, budaya dan isu utama dalam komuniti tersebut sebelum terlibat dengan masyarakat Orang Asli. Oleh yang demikian, melalui kefahaman dan kesedaran boleh membantu komuniti ini dalam mendapatkan kehidupan yang lebih berkualiti.

Di peringkat sekolah rendah dan menengah melibatkan masalah keciciran pelajar Orang Asli perempuan lebih tinggi daripada pelajar Orang Asli lelaki. Begitu juga di peringkat tertinggi di mana bilangan pelajar perempuan lebih ramai daripada bilangan pelajar lelaki. Walau bagaimanapun, bilangan pelajar Orang Asli yang tamat sehingga peringkat tertinggi kurang daripada 1000 orang. Matlamat pendidikan negara di peringkat nasional adalah untuk meningkatkan pencapaian pelajar dalam peperiksaan utama seperti UPSR, PMR, SPM dan STPM. Sebaliknya, matlamat pendidikan untuk masyarakat Orang Asli adalah untuk meningkatkan kadar kehadiran mereka ke sekolah, mendaftar dan menamatkan pendidikan di peringkat sekolah rendah (darjah 6) serta mendaftar dan menamatkan pendidikan di peringkat menengah (sehingga tingkatan 5). Namun begitu, keciciran pelajar Orang Asli tidak ketara di peringkat rendah, tetapi agak serius di peringkat tamat sekolah rendah dan tidak mendaftar ke sekolah menengah dan mendaftar sekolah menengah tetapi tidak tamat sehingga tingkatan 5 (Devamany dan Asan Ali, 2016).

Antara punca terjadinya keciciran yang tinggi dalam kalangan masyarakat Orang Asli adalah masalah kemiskinan, perbezaan budaya dan pegangan Orang Asli dan masalah bahasa. Selain itu, perkampungan Orang Asli yang jauh di pedalaman



menyebabkan pelajar Orang Asli mengalami masalah pengangkutan untuk ke sekolah. Apabila di sekolah yang mempunyai pelbagai kaum dan bahasa menyebabkan mereka mempunyai perasaan malu untuk bercampur dengan bangsa lain selain menjadi mangsa buli di sekolah disebabkan sikap mereka yang pendiam dan malu. Tambahan pula mereka tidak berminat dengan sesuatu mata pelajaran dan sukar memberikan tumpuan terhadap pelajaran menyebabkan kehadiran mereka merosot di sekolah ditambah pula dengan sikap ibu bapa yang tidak mementingkan pelajaran dan tidak berminat untuk menghantar anak bersekolah di kawasan bandar menyumbang kepada keciciran pelajar Orang Asli. Selain itu, tahap pendidikan ibu bapa yang rendah dan hanya bergantung kepada bantuan kerajaan semata-mata serta tiada usaha kearah meningkatkan tahap pendidikan menyebabkan mereka berada di takuk yang sama dan tidak mahu berubah.

Masyarakat Orang Asli juga sering dikaitkan dengan masalah pencapaian akademik dan masalah kegagalan murid-murid Orang Asli. Hal ini kerana isu pencapaian akademik murid Orang Asli telah menyebabkan ramai pihak bertungkus lumus bagi memastikan pencapaian akademik mereka berada dalam keadaan yang boleh menjamin masa hadapan. Sungguhpun begitu, murid Orang Asli kurang mengalami tekanan dalam memastikan kanak-kanak cemerlang dalam akademik kerana mereka tidak diberi penekanan dan sokongan untuk meningkatkan kecemerlangan dalam diri mereka.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) telah memperuntukkan mengenai pendidikan Orang Asli di mana dasar yang digubal bertujuan untuk memberi peluang pendidikan kepada murid Orang Asli bersesuaian dengan keperluan mereka. KPM telah melancarkan Pelan Transformasi Pendidikan untuk pendidikan Orang Asli yang terkandung di dalam gelombang pertama (2013-2018) dan gelombang kedua

(2019-2025). Ia telah dilancarkan pada bulan April 2013. Terdapat tujuh Inisiatif Transformasi Pendidikan Orang Asli turut diunjurkan iaitu:

- a) Pemantapan tadbir urus sekolah-sekolah yang mempunyai murid Orang Asli di mana KPM mewujudkan kemudahan asrama di sekolah yang mempunyai enrolmen 100 peratus murid Orang Asli.
- b) Elemen Pendidikan Vokasional di masukkan dalam pembelajaran menengah rendah di semua sekolah menengah harian yang terdapat murid Orang Asli.
- c) Kadar keciciran murid Orang Asli ke sekolah dapat dikurangkan sebanyak enam peratus setahun mulai 2014. Hal ini kerana berdasarkan statistik terkini kadar keciciran pelajar Orang Asli adalah sebanyak 30 peratus.
- d) Mengambil pelajar Orang Asli bagi mengikuti program khas Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Tengku Ampuan Afzan dipertingkatkan mengikut keperluan semasa.
- e) Menambahbaik kemudahan infrastruktur dan prasarana pendidikan menerusi penambahan sekolah Model Khas Komprehensif di Perak, Selangor, Johor dan Pahang.
- f) Memperkasakan jaringan kerjasama melalui perhubungan yang lebih strategi dengan rakan sinergi, rakan di lapangan dan antarabangsa bagi membolehkan hasrat transformasi pendidikan Orang Asli tercapai.
- g) Mewujudkan satu sistem pengesanan prestasi sekolah dan murid Orang Asli bertujuan untuk membuat penambahbaikan dan mengenalpasti prestasi murid Orang Asli.

Pelajar Orang Asli sama sekali terjejas dengan keadaan pandemik Covid 19 ini. Hal ini kerana kebanyakan pelajar Orang Asli tinggal di kawasan pedalaman yang mana kemudahan fasiliti yang kurang memuaskan di tambah pula dengan keadaan ibu bapa yang tergolong dalam golongan B40 dan tidak mampu untuk menyediakan kemudahan pembelajaran yang sesuai untuk anak-anak mereka belajar menyebabkan ramai pelajar

Orang Asli tidak mengikuti pembelajaran atas talian dan terdapat juga pelajar yang tidak dapat dihubungi. Namun begitu terdapat juga pelajar Orang Asli yang dapat mengikuti pembelajaran di rumah walaupun tidak sepenuhnya. Hal ini disebabkan kemudahan fasiliti seperti pelajar dapat akses dan dapat dihubungi oleh guru mata pelajaran mereka selain daripada sikap pelajar tersebut yang mementingkan pelajaran. Walaupun tidak sepenuhnya mengikuti pembelajaran atas talian tetapi pelajar dapat menghantar tugas yang diberikan kepada mereka.

Bagi memutuskan rantaian wabak Covid-19 ini, kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam talian digunakan bagi menggantikan sesi pembelajaran secara bersemuka di dalam bilik darjah kini. Ia merupakan norma baharu dan merupakan kaedah yang terbaik untuk pembelajaran pelajar ketika musim Pandemik. Namun begitu, terdapat kekangan dan keterbatasan khususnya kepada pelajar yang tidak mempunyai capaian internet terutamanya mereka yang tinggal di kawasan luar Bandar atau di penempatan Orang Asli. Menurut guru di sekolah Orang Asli Deek Penaney, Perak menyatakan terdapat ibu bapa yang tidak berkemampuan dalam menyediakan kemudahan pembelajaran kepada anak mereka termasuk menyediakan kemudahan peranti untuk proses pembelajaran anak mereka disebabkan capaian internet yang terhad. Melalui wawancara bertajuk langkah membendung keciciran pelajar Orang Asli di *facebook* Pertubuhan Perfileman Sosial Malaysia (*Freedomfilm*) menjelaskan rata-rata latar belakang ibu bapa pelajar Orang Asli tidak boleh membaca, menulis menyebabkan mereka tidak tahu bagaimana hendak membimbing anak-anak mereka dan lebih cenderung untuk menjadikan anak mereka melakukan kerja rutin dan aktiviti di kampung sahaja. Hal ini kerana hampir 95% pelajar Orang Asli di sebuah kampung terpaksa berhenti belajar kerana ketidakmampuan menyediakan pembelajaran melalui internet (malaysiakini.com).



Sementara itu, guru komuniti Tadika Cahaya Asli, Kampung Tekir, Negeri Sembilan menyatakan disebabkan kekangan yang dihadapi keluarga dan ibu bapa pelajar di kawasan tersebut menyebabkan anak-anak hilang minat untuk belajar. Hal ini kerana semenjak PKP dilaksanakan, pendidikan anak-anak Orang Asli tidak mendapat perhatian daripada pelajar itu sendiri. Mereka lebih suka bermain dan leka dengan aktiviti harian mereka baik di peringkat tadika mahu pun di peringkat sekolah menengah (malaysiakini.com)

Oleh itu, Kementerian Pendidikan telah menyediakan garis panduan untuk pentadbir sekolah, guru, ibu bapa dan pelajar untuk menjalankan pembelajaran dalam talian kepada pelajar semasa PKP terutama melalui portal pembelajarannya. Platform itu menyediakan pautan kepada alat komunikasi seperti *Google Classroom* dan *Microsoft Team* untuk pengajaran dan pembelajaran di rumah. Walau bagaimanapun, bermula dengan kekurangan akses internet oleh ibu bapa dan pelajar, pembelajaran atas talian terbukti menjadi cabaran kepada guru yang berjuang untuk memastikan pengajaran berterusan dan pelajar tidak tercicir.

1.4 Pernyataan Masalah

Dalam usaha untuk memastikan proses PdP pada peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi tetap terus berjalan, pelaksanaan e-pembelajaran telah dimanfaatkan sebaik-baiknya. Keterbatasan pergerakan dan hubungan yang menyebabkan PdP secara bersemuka tidak dapat dilaksanakan telah digantikan dengan pembelajaran dan pengajaran secara dalam talian. Kaedah pembelajaran dalam talian yang dahulunya hanya dijalankan sebagai nilai tambah kepada pembelajaran bersemuka, telah menjadi satu keperluan. Saranan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi melaksanakan



sesi pengajaran dan pembelajaran di rumah (pdpr) secara dalam talian disambut baik oleh pihak sekolah. Hal ini bagi mengelakkan berlakunya keciciran kepada pelajar terutama pelajar yang bakal menduduki peperiksaan awam seperti SPM pada tahun semasa. Selain itu, Pengajaran dan Pembelajaran *online* ini juga dijalankan bagi memastikan silibus mata pelajaran dapat disempurnakan mengikut takwim dan perancangan tahunan serta memastikan pelajar dapat mengulangkaji mata pelajaran pada setiap hari semasa dalam tempoh PKP berlangsung.

Menurut Mohamad Idham Md Razak (2020), terdapat beberapa faktor perlu diambil bagi memastikan kaedah pembelajaran atas talian berjalan dengan berkesan seperti faktor persekitaran, faktor pelajar, akses kepada capaian teknologi dan sebagainya. Menurut Muhammad Afzamiman dan Muhammad Abd Hadi, 2020 menjelaskan terdapat laporan daripada pelbagai sumber menunjukkan kadar penggunaan aplikasi atas talian meningkat secara mendadak sepanjang proses sekatan dijalankan di negara-negara yang terkesan dengan pandemik Covid-19 dalam pelbagai bidang termasuklah dalam urusan hiburan, jual beli, pekerjaan dan pembelajaran maya.

Kaedah pembelajaran dalam talian merupakan suatu keperluan penting ketika PKP ini dengan menggunakan pelbagai medium seperti *Google Meet*, *Zoom*, *Google Classroom* dan sebagainya. Pada peringkat awal pembelajaran dalam talian memerlukan ibu bapa pada mulanya perlu membimbing dan mengarahkan pembelajaran anak mereka dengan menyusun tugas yang diberikan oleh guru untuk diselesaikan. Segala tugas yang dibuat perlu dihantar secara secara dalam talian dan guru memberikan respon terhadap hasil kerja pelajar. Kerajaan sangat mengambil berat dan peka terhadap kekangan yang dihadapi guru dan murid di luar bandar dan pedalaman untuk mengadakan pembelajaran dan pengajaran (PdP) secara dalam talian ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) (Berita Harian, 2020).



Walau bagaimanapun, dari segi pengaplikasian didapati terdapat beberapa cabaran yang dihadapi oleh guru dan pelajar. Antara cabaran terhadap pelajar adalah capaian kepada kemudahan internet, tiada kemudahan komputer atau telefon bimbit, suasana pembelajaran yang tidak kondusif, keberkesanan pembelajaran dan penyalahgunaan internet. Manakala bagi guru pula cabaran yang dihadapi dari segi kepakaran tenaga pengajar menggunakan platform e-pembelajaran, capaian kepada kemudahan internet, suasana pembelajaran yang tidak kondusif untuk mengajar dan keberkesanan penyampaian serta pengajaran. Pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran dalam talian diaplikasi secara menyeluruh dalam sistem pengurusan akademik di semua sekolah sehingga tempoh bersemuka dijalankan. Matlamat utamanya adalah bagi memastikan proses PdP tetap berjalan walaupun aktiviti PdP secara bersemuka tidak dibenarkan.



Namun begitu, aktiviti PdP secara maya mungkin tidak begitu bermasalah kepada pelajar-pelajar yang tinggal di bandar atau pinggir bandar. Bagi yang tinggal di pedalaman, ia sudah tentu menyukarkan mereka mendapatkan akses internet yang baik. Ini termasuklah pelajar masyarakat Orang Asli yang tinggal di pedalaman. Berlatarbelakangkan sikap masyarakat asli yang tidak begitu mengambil kisah soal PdP serta kadar kecinciran sekolah yang tinggi, pembelajaran ketika pandemik amat memberi kesan. Faktor kemiskinan juga lebih memburukkan keadaan, menyebabkan mereka tidak berkemampuan untuk membeli data internet bagi tujuan PdP. Situasi ini menyebabkan mereka mengalami kesukaran dan ketinggalan dalam pelajaran. Sehubungan itu, satu kajian bagi meneroka pembelajaran semasa pandemik covid terutama terhadap pelajar Orang Asli yang kebanyakannya berada di kawasan-kawasan pedalaman. Kajian juga dijalankan bagi mengetahui keberkesanan dan





halangan yang dihadapai oleh pelajar Orang Asli dalam pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran dalam talian semasa pandemik.

1.5 Objektif Kajian

Terdapat tiga objektif yang hendak dikaji dalam kajian ini iaitu:

1. Mengenal pasti proses pembelajaran pelajar orang asli ketika pandemik.
2. Mengenal pasti masalah pembelajaran yang dihadapi oleh pelajar orang asli ketika pandemik covid-19
3. Mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh pelajar orang asli sepanjang pembelajaran dari rumah.



Berdasarkan daripada objektif kajian yang telah dikenal pasti, pengkaji mengemukakan tiga persoalan kajian iaitu:

1. Bagaimana proses pembelajaran pelajar orang asli?
2. Apakah masalah pembelajaran yang dilalui oleh pelajar ketika covid?
3. Apakah cabaran yang dihadapi oleh pelajar sepanjang proses pembelajaran?

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini dibuat adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai pembelajaran pelajar sepanjang pandemik Covid-19. Diharapkan hasil daripada kajian ini nanti dapat memberi maklum balas kepada semua pihak seperti:



a) Kementerian Pendidikan Malaysia

Hasil daripada kajian ini dapat digunakan oleh pihak KPM untuk mengenal pasti keberkesan pembelajaran di rumah sepanjang pembelajaran di rumah. Selain itu, ia menjadi rujukan Kementerian Pendidikan untuk melaksanakan langkah seterusnya dalam memperkemaskan lagi kaedah pengajaran dan pembelajaran di rumah (pdpr) atau apa-apa program yang berkaitan dengannya.

b) Pihak sekolah dan guru

Kajian ini diharapkan akan dapat dijadikan *blue print* atau sumber rujukan bukan sahaja kepada guru kaunseling malahan para pentadbir di sekolah yang dikaji untuk mewujudkan intervensi yang sesuai dalam strategi untuk meningkatkan kemajuan pelajar-pelajar Orang Asli di sekolah tersebut. Selain itu, kajian ini diharap dapat membantu pihak sekolah dan guru terutamanya dalam melaksanakan pembelajaran dari rumah dengan mempelbagaikan kaedah pengajaran agar tiada pelajar yang tercicir.

c) Guru Bimbingan dan Kaunseling

Kajian ini juga menjadi rujukan kepada guru kaunseling di sekolah dan diharapkan agar dapat membantu guru-guru kaunseling yang kurang berpengalaman atau yang baru berkhidmat sebagai guru kaunseling berhadapan dengan pelajar-pelajar Orang Asli menggunakan pendekatan yang sesuai dalam konteks budaya pelajar orang asli Semai dan Temiar. Kefahaman yang jelas akan membolehkan perkhidmatan kaunseling akan dapat dijalankan dengan lebih berkesan.

d) Ibu Bapa

Manakala kepada ibu bapa pelajar pula, hasil kajian ini diharap akan dapat memberi gambaran kepada mereka tentang kepentingan peranan mereka dalam memberi sokongan kepada anak-anak mereka menerusi penglibatan mereka dalam sesi pengajaran dan pembelajaran anak-anak. Dengan adanya kajian ini, diharap ia

membantu dalam meningkatkan lagi prestasi akademik pelajar terutama pelajar Orang Asli, juga dapat membantu mengurangkan masalah mereka sepanjang pembelajaran di rumah dengan menggunakan kaedah-kaedah yang sesuai sekiranya mereka sukar untuk pembelajaran dalam talian.

e) **Pelajar**

Hasil kajian ini dapat membantu pelajar lebih memahami proses pembelajaran dan bersedia dengan perubahan yang berlaku dalam pendidikan. Selain itu, pelajar juga didedahkan dengan teknologi supaya mereka dapat mengaplikasikan pembelajaran yang dipelajari dalam kehidupan seharian di samping dapat membantu pelajar untuk berhubung terus dengan guru-guru sekiranya pelajar mempunyai masalah sepanjang pembelajaran.

Kajian melibatkan pelajar Orang Asli di mana faktor budaya dan bahasa yang berlainan menyebabkan pengkaji perlu memahami budaya dan bahasa mereka. Selain itu, pengkaji berhadapan dengan kekangan masa disebabkan oleh pandemik Covid-19 di mana pengkaji perlu memenuhi prosedur operasi standart (sop) yang dikeluarkan oleh kerajaan. Tambahan pula dengan perintah kawalan pergerakan (pkp) menyebabkan operasi sekolah ditutup dan pelajar belajar melalui dalam talian atau belajar dari rumah (pdpr). Hal ini menyebabkan pengkaji perlu menunggu sehingga kerajaan mengumumkan pembukaan semula sekolah untuk pengkaji menjalankan kajian bersama pelajar.

Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah yang dipilih. Oleh itu, variasi atau perbezaan dapat mungkin tidak dapat dilihat kerana kajian ini hanya tertumpu kepada



satu tempat sahaja. Sekiranya kajian ini dapat dijalankan di beberapa tempat yang berlainan demografi, kemungkinan terdapat variasi atau perbezaan hasil atau dapatan kajian yang diperolehi.

Peserta kajian merupakan subjek khusus yang dikaji dan hanya menerangkan ciri-ciri subjek tersebut. Oleh itu, ia tidak boleh digunakan untuk membuat generalisasi kepada mana-mana populasi. Namun ia masih memberikan maklumat yang boleh dimanfaat oleh individu ataupun kumpulan yang sama dengan peserta kajian. Peserta kajian melibatkan pelajar Orang Asli yang berketurunan Semai dan Temiar di mana melibatkan budaya dan pemahaman yang berbeza dengan pengkaji. Oleh itu, penting untuk pengkaji memahami kepelbagaian budaya peserta kajian.



1.9 Definisi Istilah

a) Pembelajaran

Definisi konseptual: Pembelajaran ialah proses perolehan maklumat dan pengetahuan, penguasaan kemahiran serta pembentukan sikap dan kepercayaan.

Pembelajaran juga ditakrifkan sebagai sebarang perubahan tingkah laku yang kekal melalui pengalaman atau latihan yang dilalui oleh seseorang dalam hidupnya (Morgan dan King, Introduction to psychology 1975)

Definisi operasional: Dalam kajian ini, pembelajaran di lihat sebagai kaedah pembelajaran yang dijalankan kepada pelajar semasa pandemik melanda Negara.



b) Pelajar

Definisi konseptual: Menurut Kamus Dewan (2002:18), “istilah pelajar bermaksud orang yang belajar atau orang yang mengaji. Selain itu, pelajar juga membawa maksud orang yang menyelidiki ilmu”.

Definisi operasional: Bagi tujuan kajian ini, penyelidikan akan melibatkan pelajar-pelajar orang asli di sekolah yang dikaji.

c) Orang Asli

Definisi konseptual: “Kewujudan akta orang asli 1954(Akta 134) di bawah Aboligional Peoples Ordinance No.3,1954 yang telah dipinda pada tahun 1974, penetapan istilah dan kelayakan untuk dikatakan sebagai komuniti Orang Asli telah dijelaskan dengan terperinci”. Berdasarkan seksyen 3 dalam Akta Orang Asli 1954(Akta 134), Orang Asli ditakrifkan seperti berikut:

1. Mana-mana yang bapanya ialah ahli daripada kumpulan etnik Orang Asli, yang bercakap bahasa Orang Asli dan lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat kepercayaan Orang Asli dan termasuklah seorang keturunan melalui lelaki itu,
2. Mana-mana orang daripada mana-mana kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa kecil oleh Orang Asli dan telah dibesarkan sebagai seorang Orang Asli, lazimnya bercakap bahasa Orang Asli, mengikut cara hidup Orang Asli dan adat kepercayaan Orang Asli dan menjadi ahli daripada suatu masyarakat Orang Asli,
3. Anak daripada mana-mana penyatuan antara seorang perempuan Orang Asli dengan seorang lelaki daripada suatu kaum lain, dengan syarat anak itu lazimnya bercakap bahasa Orang Asli dan kepercayaan Orang Asli dan masih lagi menjadi ahli daripada suatu masyarakat Orang Asli.



Definisi operasional: Bagi tujuan kajian ini, orang asli merujuk orang asal yang berketurunan Semai dan Temiar yang merupakan pelajar di sekolah menengah yang dikaji.

d) Pandemik Covid-19

Definisi konseptual: Pandemik merupakan satu wabak penyakit yang tersebar dengan begitu meluas sama ada hingga ke seluruh wilayah, benua atau dunia. (Kamus Dewan Edisi Keempat). Pandemik merupakan penularan sesebuah wabak penyakit yang baru di seluruh dunia, di mana orang ramai boleh dijangkiti dengan mudah dan penyakit tersebut dapat merebak tanpa halangan secara berterusan daripada seorang individu kepada individu yang lain di seluruh pelusuk dunia. Deklarasi pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia merujuk kepada penularan luas wabak penyakit dan bukan betapa teruknya penyakit tersebut.




Definisi operasional: Dalam kajian ini, pandemik Covid-19 telah melanda Negara menyebabkan banyak sektor terjejas terutama sektor pendidikan. Hal ini menyebabkan pelajar dan guru perlu melakukan pembelajaran di rumah akibat daripada penutupan premis sekolah.

1.10 Kerangka Konseptual Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meneroka pembelajaran pelajar Orang Asli sewaktu Pandemik Covid-19. Rajah 1.0 menjelaskan tentang kerangka konseptual yang akan digunakan dalam penyelidikan ini. Analisis terhadap proses pembelajaran pelajar ketika pembelajaran di rumah akan menjelaskan bagaimana pelajar menjalani proses pembelajaran yang mereka hadapi ketika Pandemik.





Rajah 1.1. Kerangka konseptual kajian

1.11 Kesimpulan

Bab ini telah menjelaskan secara khusus tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, soalan kajian, definisi operasi kajian, limitasi kajian dan dan kepentingan kajian dalam meneroka pembelajaran pelajar Orang Asli semasa pandemik Covid-19.